

Makin pulih

Hanya daerah Pasir Mas, Tumpat masih terjejas

>>Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

KOTA BHARU: Banjir di negeri ini semakin pulih apabila jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan menurun kepada 1,309, semalam berbanding 1,761 yang direkodkan kelmarin.

Hanya daerah Pasir Mas dan Tumpat masih terjejas akibat banjir, manakala satu-satunya pusat pemindahan di Kota Bharu iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Mulong sudah ditutup.

Menurut jurucakap bilik gerakan banjir negeri, bilangan mangsa berkurangan 452 orang semalam berdasarkan rekod yang dicatatkan sehingga jam 6 petang.

Katanya, Pasir Mas pula mencatatkan bilangan mangsa tertinggi iaitu 812 orang membabitkan 232 keluarga.

"Selain itu, daerah Tumpat menunjukkan 497 mangsa masih ditempatkan di sebuah pusat pemindahan banjir iaitu di SK Pengkalan Kubor Dua.

"Semua mangsa di daerah itu membabitkan 141 keluarga. Sehingga kini, hanya tinggal tujuh pusat pemindahan dibuka," katanya.

Dalam perkembangan lain, bacaan Sungai Golok di tempat menyukat hujan di Rantau Panjang mencatatkan penurunan, tetapi bacaan 10.03 meter yang direkodkan itu masih melebihi paras bahaya iaitu 9.0 meter.

Beberapa sungai lain seperti Sungai Kelantan, Sungai Galas dan Sungai Lebir menunjukkan bacaan melebihi paras berjaga-jaga manakala bacaan di tempat menyukat hujan di Tambatan Diraja, Sungai Kelantan dan Jenob, Sungai Golok menurun ke paras normal.

Satu jalan di Pasir Mas ditutup semalam iaitu di Pohon Tanjung- Rantau Panjang (jalan lama) Kampung Siram menjadikan jumlah keseluruhan jalan ditutup dalam daerah itu kepada empat jalan.

Tiga lagi jalan yang ditutup ialah Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu, Jalan Banggol Kulim lokasi dua dan Jalan Pengkalan Rakit. Di daerah Tumpat pula, Jalan Chabang Empat-Kampung Jambu-Meranti masih ditutup.

Mangsa banjir
menurun kepada

1,309

sehingga jam 6
petang semalam

CHERAS: Kementerian Belia dan Sukan menyediakan 5,000 sukarelawan terdiri daripada belia di seluruh negara dalam misi membantu mangsa banjir yang melanda beberapa negeri.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Gan Ping Sieu, berkata kementerian

5,000 sukarelawan bersiap sedia

terianya sentiasa bersiap sedia setiap kali bencana alam melanda bagi meringankan tugas pihak berkuasa.

"Saya difahamkan setiap daerah menyediakan hampir 30 sukarelawan

terdiri daripada skuad Rakan Muda dan Sukarelawan Banjir.

"Mereka ditugaskan di tempat pusat pemindahan untuk melakukan sebarang pekerjaan seperti diarahkan jawatankuasa

banjir," katanya ditemui pada Majlis Simposium Antarabangsa Sukarelawan Pemangkin Pembangunan Bangsa di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Penganjur,

Datuk Raja Ruslan Raja Samah dan Ahli Lembaga Institut Belia Antarabangsa, Datuk Mohd Soffian Abd Rahim.

Gan berkata, sukarelawan terbabit bukan hanya digerakkan di satu negeri, namun turut membabitkan bencana di negeri lain jika bantuan diperlukan.

Carrefour

17 tahun

Pasar Raya Besar PERTAMA di Malaysia yang sentiasa bersama mu!

17 L

Harga Murah Meletoooooo untuk hari ini je!!

RM 99

Ketuhar Gelombang Mikro Berjenama "Output Power: 1200W"
(Gambar dipaparkan adalah untuk ilustrasi sahaja)
(Terhad kepada 1 unit setiap keluarga)

1000 unit tersedia!

Nantikan Kejutan Harga Murah Meletoooooo Setiap Hari!

Talian Khidmat Pelanggan Carrefour: 1300-88-2939 carrefour.com.my **Semua harga barangan adalah dinyatakan dalam ringgit Malaysia Sumber: Malaysia Book of Records



MUSNAH...rumah Saodah yang musnah dihempas ombak di Pantai Kuala Pak Amat, Pengkalan Chepa, kelmarin.

Rumah dihempas ombak

KOTA BHARU: Seorang warga emas terselamat daripada ditelan ombak apabila rumahnya yang terletak kira-kira 100 meter dari Pantai Kuala Pak Amat, Pengkalan Chepa, di sini, musnah akibat dihempas ombak, awal pagi kelmarin.

Dalam kejadian jam 3 pagi itu, rumah Saodah Ibrahim, 67, musnah dengan bahagian atap dan dinding rumah tercabut.

Menceritakan kejadian itu, Saodah berkata, dia sudah menjangkakannya menyebabkan dia membuat keputusan tinggal bersama anak saudaranya di kawasan berhampiran.

Semua pusat pemindahan ditutup

KUALA TERENGGANU: Semua pusat pemindahan banjir di negeri ini sudah ditutup sepenuhnya dengan yang terakhir membabitkan 26 mangsa dari Kampung Jeram Hilir dan Kampung Banggol Nyiur, di sini.

Menurut laman web Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, mangsa terbabit yang ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Guntong di sini, dibenarkan pulang pada jam 5 petang semalam.

Cuaca baik walaupun kadangkala hujan di daerah ini menyebabkan banjir surut sepenuhnya, sekali gus membolehkan mangsa dibenarkan pulang ke rumah.

Sementara itu, tinjauan di beberapa kampung yang dilanda banjir se-



DAYUNG...Mohamad mendayung perahu sambil diperhatikan bapanya, Shafin, semalam.

FOTO | Imran Makhzan

belum ini mendapati penduduk sibuk membersihkan rumah mereka.

Penduduk, Shafin Jusoh, 51, berkata hujan ditambah limpahan air sungai mengakibatkan rumahnya di Kampung Banggol Nyiur, di sini, ditenggelami air sedalam dua meter, Khamis lalu.

"Pengalaman setiap tahun sejak 16 tahun lalu dilanda banjir menjadikan saya lebih mudah membuat persiapan menyimpan barangan rumah di tempat selamat," katanya.

Menurutnya, jalan utama di kampung berkenaan boleh digunakan sepenuhnya bermula jam 9 pagi semalam dan kesempatan itu diambil penduduk untuk membawa pulang kenderaan mereka ke rumah.